

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan untuk agenda pembangunan belia secara menyeluruh, termasuk penyediaan kemudahan sukan di luar bandar seperti menentukan "satu daerah, satu kompleks sukan" memandangkan belia sebagai pelapis pimpinan masa depan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Malaysia perlu bersedia untuk pelaksanaan undi 18 dan belia 30 yang akan melibatkan penambahan 7 juta pengundi muda dan kita mengkategorikan anak muda di bawah umur 30 tahun untuk memastikan Kementerian dapat meremajakan pertubuhan-pertubuhan belia seterusnya dapat mencungkil bakat-bakat mereka pada umur yang lebih muda. Dengan itu, ada beberapa perkara yang akan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) lakukan untuk memastikan bahawa kepimpinan anak muda itu dapat diserlahkan pada umur yang muda.

2. Pertama sekali adalah dengan pelaksanaan *Malaysia Future Leaders School* (MFLS), iaitu, dalam tempoh masa enam bulan, Kementerian telah berjaya melatih sekitar 26,000 anak muda di 22 buah Kem Wawasan di seluruh Malaysia bersama juga dengan kem PLKN yang turut diguna pakai

NO. SOALAN : 9

oleh Kementerian. Inisiatif ini adalah untuk melatih anak muda supaya berfikiran kritis, bergaya kepimpinan, *team building*, berbilang bangsa dan agama supaya anak muda ini dapat mewakili negara pada masa akan datang.

3. Selain itu, pelaksanaan dana belia atau geran belia telah direformasikan di mana ia tertumpu kepada pelaksanaan program dan bukan sahaja kepada dana pentadbiran semata-mata. Kementerian juga memberikan *matching incentive* kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang merangkumi lebih banyak wanita, membawa masuk lebih ramai kepimpinan belia di bawah 30 tahun dan pada masa yang sama mempunyai kepimpinan berbilang bangsa juga agama. Ini merupakan tiga insentif yang akan diberikan kepada mereka.

4. Kementerian juga melipat gandakan usaha untuk mencungkil kepimpinan anak muda melalui program Felo Perdana, Felo Korporat dan juga parlimen belia pada tahun akan datang dari kategori sekolah dan juga wanita khususnya untuk memastikan supaya suara mereka tidak akan disampingkan.

5. Di samping itu, Kementerian juga tidak melupakan kumpulan belia berisiko. Pada tahun akan datang, Kementerian akan memperkasakan program Riben Kuning dan peluang kedua akan diberikan kepada kumpulan belia berisiko khususnya. Anak muda ini akan diberikan laluan khas untuk menyertai institusi TVET negara sama ada melibatkan program diploma dua (2) tahun atau kursus jangka masa pendek yang akan memastikan mereka mendapat pekerjaan-pekerjaan khususnya dalam sektor swasta dengan jalinan dengan syarikat gergasi seperti MRCB.

6. Dalam industri sukan, khususnya dalam membangunkan sukan luar bandar, Kementerian akan memperhebatkan agihan infra sukan yang akan difokuskan di kawasan luar bandar dan juga kawasan separa bandar yang mempunyai kumpulan belia berisiko yang paling tinggi dengan sistem *traffic light* yang akan kita wujudkan. Sekian, terima kasih.